

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

LIPATGANDA USAHA — PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menggesa umat Islam melipatgandakan usaha bagi mengembalikan semula zaman keagungan Islam dengan mengukuhkan lagi perpaduan mereka.

Shubungan dengan itu, Perdana Menteri juga menyeru umat Islam supaya mengukuhkan lagi kekuatan akidah, kedudukan ekonomi serta ilmu pengetahuan mereka.

"Ini haruslah menjadi perjuangan umat Islam kerana kelemahan umat Islam dalam mana-mana aspek akan memangankan lagi masa mereka dipengaruhi dan diengkang oleh orang lain.

"Keagungan Islam bermakna kekuatan akidah, perpaduan serta persefahaman dan kemajuan ekonomi dan seterusnya apa yang dapat menjadi perisai bagi melindungi kita dari fitnah dan ancaman anasir-anasir yang ingin merosakkan kita," tegasnya.

Perdana Menteri berucap demikian di majlis penyampaian hadiah peraduan mengarang berunsur Islam sempena Perayaan Abad ke-15 Hijrah di Balai Budaya,

SERUAN KEPADA UMAT ISLAM

Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Belliau menjelaskan keagungan Islam, yang harus diperjuangkan oleh umat Islam hendaklah berasas kepada sifat-sifat yang disanjung tinggi dan dihormati manusia.

Katanya, Islam tidak dikembangkan dengan menumpahkan darah manusia yang tidak berdosa, memecahbelahkan umat Islam dan memesongkan ajaran Islam kerana kepentingan diri atau politik kumpulan.

Belliau selanjutnya menyesali kerana terdapat beberapa kumpulan umat Islam yang tidak memikirkan hikmah perjuangan Rasulullah serta tidak memahami prinsip sebenar Islam sebagai agama universal.

"Terdapat satu golongan yang memilih jalan semata-mata mendekati akhirat dengan meninggalkan segala hubungan yang bersifat keduniaan.

"Satu lagi golongan pula memandang

kebangkitan Islam di Abad ke-15 Hijrah ini sebagai satu isyarat untuk melaksanakan satu revolusi yang menyeluruh.

"Mereka ingin menghapuskan segala apa yang ada dan membina sistem pemerintahan dan kerajaan yang dikatakan Islam oleh mereka dengan satu permulaan baru," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jika prinsip sedemikian diterima dan diamalkan oleh sebahagian besar umat Islam, ia boleh membawa kehancuran kepada umat Islam sendiri.

Perdana Menteri menambah, bidang penulisan merupakan satu cara berdakwah yang berkesan.

Bagaimanapun, belliau mengingatkan umat Islam supaya berdakwah dengan hasrat untuk mengembalikan kekuatan dan keagungan umat dan bukan untuk polemik yang melemahkan atau memecahbelahkan umat.

"Kita hendaklah sedar bahawa ada kuasa-kuasa yang ingin memusnahkan Islam kerana Islam bercanggah dengan ideologi mereka.

"Kiranya kita lemah pastilah mudah bagi mereka ini untuk memasukkan kita ke perangkap mereka," tambahnya.